

19/05/2002

Semua dalam satu di KGC

Hishamuddin Aun

KONSEP 'semua dalam satu' sentiasa ditonjolkan Kelab Golf Kinrara (KGC) di Bandar Kinrara, Puchong, Selangor, sesuai dengan kedudukannya sebagai kelab umum tanpa keahlian yang tidak hanya terbatas kepada pemain golf, sebaliknya menawarkan pelbagai kemudahan untuk seisi keluarga bersantai.

Begitu juga lapangan golfnya hasil rekaan Ted Parslow yang menawarkan cabaran kepada pemain berhandikap rendah mahupun tinggi.

Di sebalik ukurannya yang cuma 6,021 meter cenderung dilihat sebagai pendek, anda dikira belum mengenali Kelab Golf Kinrara selagi belum benar-benar menaiklutinya.

Usah terpedaya dengan lubang par 4 nombor 4, 6 dan 8 di Creek Nine yang berukuran hanya di antara 292 hingga 302 meter atau menganggap Waterfall Nine lebih sukar kerana panjangnya berlawanan.

Sebaliknya, setiap satu daripadanya menghadirkan cabaran berbeza hingga ramai yang sudah terperangkap dengan ilusi sendiri.

"Golf bukan hanya bersandarkan kepada ukuran panjang atau pendeknya. Fairway, ditambah dengan kedudukan pin sukar pada green yang beralun, memberikan Kelab Golf Kinrara identiti tersendiri.

"Sembilan lubang pertama mungkin memberi gambaran ia mudah ditakluki. Dengan hanya satu atau dua kesilapan, ramai yang pulang dengan catatan sukar dipercayai," jelas Eksekutif Kanan KGC, Shamshul Kamar M Yusof.

Kejohanan medal bulanan tajaan Benson & Hedges di KGC - selain 37 kelab berbeza di seluruh negara - adalah pengiktirafan terhadap kelab berkenaan yang antara lain menjadi gelanggang PNB Classic, Terbuka TDC dan saingan kebanggaannya, Kinrara Masters.

Dalam kejohanan Kinrara Masters baru-baru inilah yang menawarkan hadiah wang tunai berjumlah RM100,000, pemain pro tempatan, Rashid Ismail, yang juga pemain jelajah pro KGC, melakukan catatan tiga hari 14 bawah par untuk muncul juara tetapi hanya segelintir yang boleh berangan-angan untuk menghampirinya.

Barangkali ia menceritakan kenapa purata di antara 3,000 hingga 3,500 pemain mencuba nasib di KGC setiap bulan dengan harapan mereka akan menemui cara terbaik untuk menguasainya.

Atau sekurang-kurangnya seisi keluarga boleh memanfaatkan lapangan latihan, kedai pro, bilik VIP, coffee house, kolam renang, sauna, gelanggang tenis, gimnasium dan bilik aerobik di KGC yang menggamit pengunjung berkonsepkan kadar bayaran berpatutan dan dalam lingkungan kemampuan ramai.

Keputusan medal bulanan KGC pada 11 Mei lalu: 1 Mahathir Rahman (handikap 9) 39 mata, 2 Lee Yuen Thiam (9) 39, 3 Liew Hon Chuen (12) 39, 4 Johan Mansor (4) 38, 5 Dahari (11) 38, 6 Haizulim (11) 38, 7 L P Ng (11) 38, 8 Abu Hassan (13) 38, 9 Abd Hadi (5) 37, 10 P S Wong (8) 37.